

**AKU DAN DAKWAH IBRAH DAN HIKMAH KEMBARA** Oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. 2023. Penerbit Brightside Solutions Sdn Bhd. Selangor. Halaman 77. ISBN 978-967-12462-6-9

Buku yang berjudul Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara telah ditulis oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. Beliau dilahirkan di Petaling Jaya Selangor pada 20 Februari 1981 dan mendapat Pendidikan awal di Sekolah Rendah Al-Amin Kuala Lumpur serta meneruskan peringkat menengah di Sekolah Menengah Al-Amin Gombak. Seterusnya, beliau menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Komunikasi Massa di UiTM Shah Alam. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengarah Jabatan Pengurusan Daei dan Sukarelawan Hidayah Centre Foundation (HCF). Sepanjang bersama HCF beliau telah menyertai pelbagai program dakwah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, selain mempunyai pengalaman membuat perkongsian di beberapa buah negara luar seperti Indonesia, Turki, Korea Selatan, Jepun, Australia, Poland dan Timur Leste. Selain daripada Hidayah Centre Foundation beliau juga aktif dalam beberapa organisasi lain seperti Gabungan Dakwah Malaysia, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Hidayahku Malaysia, Regional Development Community Berhad, Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad dan Pusat Akademi Al-Amin Berhad. Lebih menarik lagi, beliau telah menjelajah banyak negara untuk berdakwah di samping membukukan coretan perjalanan beliau untuk dibaca oleh masyarakat. Beliau juga telah berkahwin dan mempunyai lima orang cahaya mata dan sangat dikagumi kerana telah mengajak ramai yang bukan Islam terpaut dengan keindahan Islam seterusnya mengucap dua kalimah syahadah.

Pada Tahun 2021, penulis telah menulis sebuah buku bertajuk Aku Dakwah dan Dunia Pengalaman Kembara di 15 buah Negara. Hasil rentetan daripada naskah tersebut, penulis telah menerbitkan buku ini yang bertajuk Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara yang merupakan kesinambungan buku Aku, Dakwah dan Dunia. Sebelum ini penulis berkongsikan catatan 15 buah negara yang setiap satunya memberikan pengalaman tersendiri. Namun terdapat penulisan penulis yang tidak sempat untuk dibukukan dalam buku Aku, Dakwah dan Dunia. Oleh yang demikian penulis menyiapkan buku Aku dan Dakwah agar setiap pengetahuan, ibrah dan pengajaran khususnya berkaitan Dakwah diperoleh melalui siri kembara dapat diadaptasi oleh Masyarakat secara keseluruhannya.

Buku Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara ini mempunyai 77 halaman di mana terdapat 10 bab berkaitan dengan Dakwah. Bab pertama daripada buku ini telah menukilkan mengenai Islam untuk semua manusia. Bab pertama ini menceritakan kisah di mana Malaikat Jibril menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW melalui surah al-Alaq ayat 1-5 di mana tugas baginda yang berat adalah untuk mengajak semua manusia kembali mengesakan Allah SWT. Bahkan tanggungjawab tersebut bukan sahaja terletak di bahu Baginda Rasulullah SAW namun ia juga terletak kepada Nabi-Nabi yang lain contohnya Nabi Nuh A.S, Nabi Ibrahim A.S, Nabi Isa A.S kerana mereka juga adalah penganut agama Islam dan pembawa Risalah Allah SWT. Namun, istimewanya Rasulullah SAW adalah syariat yang dibawa oleh Baginda adalah untuk semua etnik dan kaum yang wujud di muka bumi ini dan ia sangat berbeza dengan para Nabi dan Rasul kerana mereka perlu menyampaikan kepada kaum-kaum tertentu sahaja. Oleh yang demikian, Rasulullah SAW telah berjihad untuk menyampaikan risalah Islam sama ada kepada orang Arab mahupun bukan Arab ('Ajam) sehingga risalahnya sampai kepada Bilal bin Rabbah (orang Afrika), Salman al-Faris (orang Parsi), raja-raja di Rom, Parsi, Mesir, Bahrain, Syria, Jordan, Yaman dengan matlamat yang satu untuk mengajak mereka mentauhidkan Allah SWT.

Jihad mengikut Dr. Majdi al-Hilali (2014) mengikut tatabahasa Arab ialah bersungguh-sungguh menghabiskan seluruh kemampuan dan tenaga dalam perbuatan atau pekerjaan. Menurut istilah syarak pula jihad adalah perbuatan seorang muslim yang menghabiskan tenaga dan keupayaannya dalam meninggikan Islam kerana mencari keredhaan Allah SWT di mana kedudukan jihad adalah setinggi -tinggi kedudukan selepas keimanan kerana jihad mempunyai pelbagai jenis antaranya jihad dengan lidah, jihad dengan jiwa dengan kuasa. Dengan pengorbanan jihad, maka 10 orang sahabat Rasulullah SAW dijamin syurga di mana usaha jihad dalam dakwah tersebut dilakukan oleh Abu Bakar as-Siddiq yang telah berdakwah kepada Saidina Uthman Bin Affan, Saad bin Abi Waqqas, Talhah bin Ubaidillah, Abdul Rahman bin Auf, Zubair bin Awwam, dan Abu Ubaidah bin Jarrah. Oleh kerana itu, penulis menceritakan sewaktu beliau mengembara ke Beijing, beliau berpeluang menyaksikan minoriti muslim yang menjadikan Masjid Niujie dan Niujie Street sebagai pangkalan aktiviti ibadah sehari-hari.

Dalam bab 2 buku Aku dan Dakwah menceritakan mengenai dakwah amanah kita bersama di mana penulis mengajak semua umat Islam supaya bersyukur dengan dakwah yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW hingga dakwah tersebut tersebar ke Tanah Melayu dan akhirnya kita dilahirkan sebagai orang yang beragama Islam. Beliau menceritakan pengalaman beliau berdakwah di Kampung Kaiboton di Paitan Sabah dalam rancangan kipi-kipi yang mana jalan yang dilalui sangat sukar untuk sampai ke destinasi dan akhirnya ketika menyampaikan dakwah terdapat 2 orang daripada penerima yang mendengar melafazkan dua kalimah syahadah. Dakwah dalam Bahasa Arab adalah Da'a yang bermaksud seruan, panggilan dan ajakan, Menurut Dr. Yusuf al-Qardawi dakwah adalah mengajak kepada Islam, mengikut petunjuknya, meneguhkan manhaj, beribadah dan melepaskan diri daripada semua ketaatan kepada selain darinya, menyeru kepada yang makruf dan mencegah kepada yang mungkar. Penulis menyatakan kita biasa mendengar mengenai rakan-rakan saudara baru yang memeluk Islam menceritakan kehidupan mereka sebelum Islam kerana Islam tersebut tidak sampai kepada mereka walaupun mereka berkawan dengan orang Melayu Islam. Oleh itu, tiada alasan kepada semua umat Islam bahawa ‘saya tidak cukup ilmu untuk berdakwah’ kerana ilmu itu ibarat air di lautan yang tidak akan habis dan tiada penghujungnya. Semua umat Islam tidak perlu untuk menjadi Dr. Zakir Naik atau Yusuf Estates namun sampaikanlah kepada saudara-saudara yang bukan Islam mengenai kebaikan, nilai murni supaya mereka lebih menghayati dan menerima Islam adalah *The way of life*. Menurut Badlisham dan Siti Rugayah (2008) sewaktu mereka berdakwah di Sungai Ruai, Raub di mana kampung Orang Asli Sungai Ruai terletak di antara dua kampung orang Melayu iaitu Kampung Ulu Sungau dan Kampung Kela, Masyarakat mereka bergantung dengan hasil hutan dan dengan bantuan orang Melayu yang menjadi rakan sekerja dan pemborong membantu masyarakat orang Asli keluar daripada kepompong kemiskinan. Inilah yang dikatakan dakwah dengan mengajar kebaikan serta membantu orang yang memerlukan.

Dalam buku Aku dan Dakwah bab 3 menekankan mengenai cabaran dakwah para rasul iaitu mereka menghadapi tentangan yang hebat dalam usaha dakwah kerana diancam dengan pelbagai ancaman untuk menghentikan dakwah sehingga dibakar di dalam api yang marak. Nabi Ibrahim A.S yang diutuskan kepada kaum yang menyembah berhala termasuk ayahnya yang membuat berhala dan diuji dengan pengorbanan nyawa. Nabi Nuh A.S yang menyeru selama 950 tahun agar kaumnya kembali kepada Allah SWT namun hanya sedikit sahaja yang menerima dakwah Nabi Nuh A.S. Nabi Musa A.S yang berdepan dengan kaum Bani Israil dan Firaun yang kejam dan terus menerus melakukan penindasan sesama manusia sehingga tiada sifat belas ihsan. Walaupun mukjizat yang Allah SWT kurniakan kepada Nabi Musa A.S adalah

tongkat yang berubah menjadi ular namun ia tidak menggentarkan semangat Firaun malah Firaun tetap dengan keangkuhannya sehingga Allah SWT menenggelamkan Firaun bersama pengikutnya di dalam laut. Nabi Isa A.S juga berhadapan dengan kaumnya Bani Israil iaitu golongan *Al-Sodduqin* yang tidak percaya adanya hari akhirat. Nabi Isa A.S juga turut berdakwah kepada golongan Farisyin iaitu golongan yang menolak ibadah. Nabi Yusuf A.S yang difitnah oleh pembesar Mesir namun tetap melaksanakan dakwah walaupun di dalam penjara. Nabi Hud A.S dan Nabi Salleh A.S yang diutuskan kepada kaum Aad dan Thamud yang berdegil dengan kekufurun sehingga Allah SWT menimpa azab kepada kaumnya. Nabi Lut A.S juga berdepan dengan golongan yang melakukan hubungan sejenis manakala Nabi Syuaib A.S berdakwah kepada kaum yang menipu dalam perniagaan. Oleh itu menurut Syafawati dan Muhammad Hafizan (2019) dakwah memerlukan 7 elemen iaitu tawakal, taat, kesabaran yang tinggi, yakin dalam menyampaikan kebenaran, lemah lembut dalam menyampaikan dakwah, mengakui kelemahan diri dan membantu mereka yang memerlukan.

Kesinambungan daripada bab seterusnya iaitu bab 4 mengenai dakwah dengan hikmah yang mana dalam Bahasa Arab jamaknya adalah *hikam* bermaksud ilmu, kepandaian, kebijaksanaan dan kesaktian. Ketika Khalifah al-Ma'mun Ibnu Harun al-Rasyid didatangi seorang pendakwah yang mengkritik beliau dengan keras dan kasar lalu beliau berkata ‘nasihatilah aku dengan sopan kerana Firaun itu lebih jahat dari aku dan Nabi Musa A.S lebih baik dari kamu namun Nabi Musa A.S menggunakan bahasa yang lunak. Justeru dalam berdakwah secara bijaksana perlu difahami keadaan, penerima dan objektif serta bahan yang ingin disampaikan. Sebagai contoh sewaktu penulis di Dili (ibu kota negara Timur Leste) terdapat sebuah sekolah yang mempunyai 95% daripadanya adalah beragama Kristian tetapi setiap tahun terdapat pelajar yang memeluk agama Islam disebabkan akhlak pelajar Islam dan mereka tidak mendapat tentangan daripada ibu bapa.

Melalui bab 5 menyatakan mengenai dakwah bil hal, bukan buat hal. Dakwah bil hal dapat difahami dengan dakwah melalui contoh teladan dan akhlak yang baik. Hakikatnya, dakwah bil hal perlu dilakukan dengan qudwah (teladan) dan dakwah *bil amal* (perbuatan). Antara seni interaksi Rasulullah SAW dengan pengikut bukan Muslim adalah ketika mana mereka bersin Rasulullah SAW mengucapkan dengan lafaz *Yarhamukumullah* (semoga Allah merahmati kamu). Begitu juga dengan ahli kitab yang memberi salam kepada sahabat-sahabat Rasulullah SAW lalu mereka bertanya apakah yang perlu dilakukan, maka Rasulullah SAW menjawab supaya jawablah dengan *waalaikum* (dan ke atas kamu juga). Menurut Sayyid Qutb dalam Abdul Ghafar & Zulkefli (1998) yang menyatakan metode *mauizah hasanah* memerlukan 3 perkara penting iaitu pertuturan yang lembut dan menggoda sehingga pendengarnya mudah terpesona dan tergugat hati untuk menerimanya, menjauhi sikap bongkak dan bangga diri apatah lagi bersikap kasar atau berperilaku kurang sopan, menghindari kata-kata sindiran yang boleh menodai harga diri dan kehormatan orang yang diberi nasihat, walaupun perbuatan itu jelas berlaku.

Bab 6 pula memberi pengisian mengenai apa itu Islam. Penulis berkongsi tentang aktiviti ketika beliau berkunjung ke kuil Hindu di pinggir Bandaraya Kuala Lumpur dan tidak semena-mena salah seorang pengurus kuil bertanya kepada beliau supaya diterangkan mengenai Islam. Maka pelatih atau aktivis dakwah yang diberikan latihan selama 5 hari menjawab mengenai Islam dan membuatkan semuanya terdiam. Dalam buku *Asas -Asas Berdakwah ke Jalan Allah* oleh Dr. Hammam Said (2013) menukilkan daripada al-Bukhari bahawa golongan rabani ialah mereka yang mendidik manusia dari pengetahuan yang asas sebelum memulakan pengetahuan yang lebih besar dan mendalam. Oleh itu Rasulullah SAW telah berusaha berdakwah kepada

Raja Rom untuk menerangkan tentang Islam dan meletakkan cap dalam surat baginda kerana Masyarakat Rom pada ketika itu menganggap cap atau stempel adalah satu urusan penting (Badli Shah 2016).

Dalam bab 7 pula menyatakan mengenai bukti kewujudan tuhan. Kajian yang dijalankan oleh Pew Research Center pada 2015 menyatakan bahawa kumpulan yang tidak menganut apa-apa agama mencapai 16% daripada jumlah keseluruhan penduduk dunia. Penulis berkongsi berkaitan pengalamannya ketika beliau berkunjung ke bandar San Farsisco Amerika Syarikat pada tahun 2019 mereka dibawa ke Golden Gate Bridge salah satu pusat tumpuan pelancong yang terkenal. Panorama alam yang cukup indah membuktikan kepada kaum Atheis tentang bukti kewujudan tuhan contohnya kesan tapak kaki sudah pasti kesan tersebut adalah peninggalan manusia atau haiwan maka setiap yang terjadi sudah pasti ada permulaannya dan ada yang menciptakannya. Analogi yang mudah difahami membuktikan gelombang dakwah semakin menyingari kepada golongan Atheis.

Bab ke 8 daripada buku Aku dan Dakwah menyatakan mengenai dua soalan mencabar tentang kewujudan tuhan iaitu yang pertama jika tuhan mencipta sesuatu siapakah yang mencipta tuhan? Manakala soalan kedua ialah jika tuhan itu ada, kenapa tuhan biarkan manusia ditimpa kesusahan dan bencana? Soalan ini perlu dijawab menggunakan analogi supaya orang yang bertanya dapat berfikir dengan logik akal. Bagi soalan pertama, terangkan kisah di mana orang yang bertanya mempunyai sahabat bernama Peter pergi ke hospital untuk bersalin dan kemudiannya melahirkan seorang anak dan adakah kita boleh meneka bahawa anak yang dilahirkan lelaki atau perempuan? Maka jawapannya sudah pasti tidak logik kerana bagaimana mungkin seorang lelaki boleh melahirkan anak. Justeru, soalan pertama adalah tidak logik kerana tuhan adalah yang maha pencipta dan yang maha berkuasa bukan yang dicipta. Bagi menjawab soalan kedua pula, terdapat kisah di mana pada suatu hari terdapat seorang lelaki yang membuka kedai gunting rambut tidak mengakui tuhan kerana kalau betul tuhan itu wujud, mengapa masih ramai ditimpa kesusahan tuhan tidak membantu. Mendengar jawapan tukang gunting rambut tersebut, maka lelaki yang menjadi pelanggan tersebut membawa seorang pengemis yang kusut rambutnya lantas bertanya pemilik kedai tukang gunting rambut tersebut dengan soalan ‘Benarkah tukang gunting rambut wujud di bandar ini?’ sudah pastinya jawapannya ialah ya, namun mengapa masih ada orang yang kusut masai di bandar ini? Lalu pemilik kedai gunting rambut menjawab ‘dia yang tidak pernah mencari tukang gunting rambut sudah tentu rambutnya tidak terurus’. Maka jawapannya kepada soalan kedua manusia ditimpa kesusahan kerana mereka jauh daripada tuhan, jika mereka mencari atau mendekati tuhan dengan cara melaksanakan perintah tuhan, pasti tuhan akan membantu mereka dalam kesusahan. Konsep kebangkitan Islam yang diketengahkan oleh Siti Hamisah Manan (2009) adalah menggambarkan mengenai usaha menegakkan semua nilai-nilai Islam, amalan dan institusi Islam serta undang-undang Islam dan apabila berlakunya kebangkitan Islam terdapat agenda perubahan yang dibawa yang berupaya mengubah senario masyarakat dari segi penghayatan, perubahan, pakaian, pergaulan, aktiviti sosial, amalan dan pemahaman agama.

Oleh yang demikian, bab 9 dalam buku Aku dan Dakwah telah merungkai mengenai Benarkah Al-Quran wahyu tuhan? Kebenaran al-Quran sebagai wahyu sebenarnya adalah perkara pokok yang perlu dijelaskan kepada mana-mana individu bukan Islam. Al-Quran adalah kitab terakhir yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW dalam Bahasa Arab dan wahyu al-Quran turun secara beransur-ansur selama 23 tahun melalui perantaraan Malaikat Jibril A.S. Selain itu, al-Quran juga menceritakan tentang kaum ‘Ad yang turut dibinasakan oleh Allah SWT kerana menolak dakwah Nabi Hud A.S. Ribut pasir yang dasyat telah melenyapkan

mereka sehingga ahli arkeologi pada awal 1990 an telah menjumpai kesan-kesan penduduk daripada timbunan pasir di sebuah bandar purba bernama Uber yang mengesahkan kewujudan kaum ‘Ad suatu ketika dahulu. Selain itu, Al-Quran juga menceritakan mengenai perkara-perkara berkaitan ilmu Sains seperti kosmologi, astronomi, geologi, embriologi, oseanografi dan banyak lagi yang selari dengan penemuan saintifik. Seorang ahli lautan dari Perancis yang bernama Jacques Yves Costeau telah menemui beberapa kumpulan mata air yang tawar dan tidak bercampur dengan air laut yang masin dan setelah ditunjukkan ayat tersebut di dalam al-Quran oleh pakar ilmuan Islam, beliau berasa takjub dengan mukjizat al-Quran serta memilih untuk mengucap syahadah.

Bab terakhir iaitu bab 10 dalam buku Aku dan Dakwah menceritakan mengenai Allah, satu-satunya tuhan yang berhak disembah. Sewaktu penulis menziarahi Seoul Central Mosque pada tahun 2017, penulis dapat terdapat papan tanda dengan tulisan *Allahu Akbar* dipasang di bahagian pintu hadapan masjid. Alangkah baiknya bagi orang Islam yang dapat menceritakan perkara tersebut kepada orang yang bukan Islam supaya mesej tentang keesaan Allah tersebut sampai kepada penerima. Terdapat persoalan yang menyatakan mengenai umat Islam menyembah Kaabah. Profesor Hamka menyebut bahawa kaum Sunni atau Syiah tidak pernah menerima ajaran bahawa kita menyembah, memuja, beribadat, kepada kaabah kerana itu adalah perbuatan yang syirik. Al-Mawdudi berpendapat di dalam buku Dakwah, Etika Politik di Malaysia yang ditulis oleh Zulkiple dan Mohd Syukri (2005) menyatakan bahawa beliau sering bersikap toleransi dalam beberapa aspek, tetapi dalam hal berkaitan perkara pokok dalam agama, beliau amat tegas dan tidak goyah walaupun diancam dengan pelbagai ujian. Semangat nasionalisme telah mewarnai perjuangan umat Islam di India pada awal 1930 an sehingga al-Mawdudi menentang keras perjuangan tersebut sehingga tindakan beliau menyebabkan pemimpin Islam meminggirkannya khususnya yang berada dalam Kongress Kebangsaan India sebaliknya al-Mawdudi mengajak mereka dengan semangat universal yang dianjurkan Islam.

Melalui buku Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara ini dapatlah dikongsikan kepada masyarakat berkaitan dakwah *bil hal* yang telah dilakukan melalui pengembaran. Walaupun terdapat pengembaran di dalam negara yang majoritinya bukan muslim namun dakwah tersebut dapat disampaikan melalui *qudwah hasanah* iaitu contoh tauladan yang baik dan melalui kaedah perdebatan. Soalan-soalan yang ditanya oleh orang bukan muslim seharusnya perlu dijawab dan fikrah tersebut perlu digilap supaya masyarakat Islam mengetahui keperluan dakwah bukan terletak di atas topi para asatizah sahaja malah semua masyarakat Islam. Oleh yang demikian, buku ini juga sesuai untuk dibaca kepada aktivis dakwah bagi membangkitkan semangat mereka dalam berdakwah kepada *non muslim*.

## **RUJUKAN**

- Abdul Ghafar Haji Don & Zulkiple Abd Ghani. 2009. *Dakwah kepada Non Muslim di Malaysia, Konsep, Metode dan Pengalaman*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.
- Badli Shah Alauddin. 2016. Seni Dakwah Kontemporari. Kuala Lumpur: Telaga Biru
- Badlihisham Mohd Nasir & Siti Rugayah Hj Tibek. 2008. *Gerakan Dakwah Masyarakat Berjiran Dengan Orang Asli*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam

- Hammam Said. 2013. *Asas-asas Berdakwah ke Jalan Allah*. Selangor: Pertubuhan IKRAM Malaysia.
- Majdi al-Hilali. 2014. *Denyut Nadi Dakwah*. Seri Kembangan: Iman Publications
- Siti Hamisah Manan. 2009. *Gelombang Kebangkitan Dakwah Kampus*. Kuala Lumpur: JIMedia
- Syafawati Binti Salihan & Muhammad Hafizan Bin Abd. Hamid. 2019. Pengkisahan dalam Al-Quran : Kolerasi Antara Kisah Nabi Musa A.S dengan Novel ‘Sunan Musafir’ Karya Ramlee Awang Mursyid. *Jurnal Pengajian Islam*. Bilangan 12, Isu II, Halaman 80-98
- Wan Muhammad Wan Ibrahim. 2021. *Aku, Dakwah dan Dunia Pengalaman Kembara di 15 buah Negara*. Kuala Lumpur: Amsyi Training & Creative Solutions.
- Wan Muhammad Wan Ibrahim. 2023. *Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara*. Selangor: Brightside Solutions Sdn Bhd
- Zulkiple Abd Ghani & Mohd Syukri Yeoh Abdullah. 2005. *Dakwah dan Etika Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd

**Suhaila Binti Sharil**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau.

**Amirah Hassan @ Asan**

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau.

**Nur Faathinah Mohd Roshdan**

Akademi Pengajian Bahasa  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau.